



SIARAN MEDIA

LAWATAN TURUN PADANG KE NEGERI MELAKA – KPWK PERKASA INSIATIF BAGI KESEJAHTERAAN KUMPULAN SASAR

ALOR GAJAH, 6 FEBRUARI – YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah mengadakan lawatan turun padang ke negeri Melaka selama dua hari bermula semalam. Lawatan adalah bagi meninjau operasi jabatan dan agensi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) di negeri Melaka serta melihat perkembangan dan kejayaan kumpulan sasaran yang menerima bantuan-bantuan pendayaupayaan diri daripada jabatan dan agensi KPWK yang berada di negeri ini.

Pada hari pertama lawatan YB Dato' Sri Hajah Nancy telah merasmikan **Program Pembangunan Wanita Tun Fatimah Sempena Sambutan Hari Wanita Antarabangsa (SHWA) Tahun 2024**, yang diadakan di Laman Wanita (LaWa) Jasin, Melaka. LaWa ialah pusat aktiviti setempat yang menawarkan pelbagai program dan aktiviti pemerksaan wanita melalui aspek peningkatan kemahiran asas. Secara keseluruhan, Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) mempunyai 14 buah LaWa di tujuh negeri, iaitu Pulau Pinang, Kedah, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Kelantan dan Wilayah Persekutuan Labuan.

YB Dato' Sri Hajah Nancy juga telah menyempurnakan pelancaran **Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: K.A.S.I.H Kanak-Kanak Peringkat Negeri Melaka** bertempat di Sekolah Kebangsaan Lesong Batu, Alor Gajah, Melaka, hari ini.

Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: K.A.S.I.H Kanak-Kanak ini adalah antara usaha berterusan Kementerian dalam menggerakkan semua anggota masyarakat agar bersama melindungi dan membina persekitaran selamat untuk kanak-kanak. Ia menjadi platform kepada masyarakat khususnya guru-guru, PIBG dan

komuniti setempat untuk membantu KPWKM mencegah berlakunya peningkatan kes penderaan dan pengabaian kanak-kanak. Dalam program ini kanak-kanak juga didedahkan berkenaan hak-hak mereka dan saluran bantuan segera **Talian Kasih 15999** atau aplikasi **WhatsApp 019-2615999** sebagai saluran aduan bagi kes-kes melibatkan mereka.

YB Dato' Sri Hajah Nancy turut melancarkan **Direktori Organisasi Berasaskan Komuniti (CBO) KPWKM @Alor Gajah, Melaka**. Ia adalah salah satu usaha KPWKM untuk memperkasa pengetahuan dan kemahiran ahli-ahli komuniti yang menganggotai Organisasi Berasaskan Komuniti atau *Community Based Organization* (CBO) di daerah Alor Gajah. Direktori CBO KPWKM @ Alor Gajah ini akan digunakan oleh ahli CBO yang telah dilantik oleh KPWKM dan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK). Direktori ini merupakan dokumen rujukan yang digunakan untuk menyantuni kumpulan sasaran dalam komuniti sekaligus mempercepatkan tindakan yang boleh diambil di peringkat komuniti.

Berdasarkan statistik JKM bagi bulan Januari hingga November 2023, sebanyak 7,457 kes telah dilaporkan di seluruh negara bagi kes kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 328 kes dari negeri Melaka. Penglibatan CBO amat penting sebagai rakan strategik bagi membendung peningkatan kes-kes seumpama ini dan membantu menyantuni kumpulan sasaran Kementerian.

Selain itu, YB Dato' Sri Hajah Nancy telah menziarahi 2 orang peserta **2 Years Exit Programme (2YEP)** iaitu Encik Mohd Khalid Bin A Bakar yang merupakan seorang OKU pemilik Khaz Alteration di Jasin, dan Puan Rohana Binti Salim, seorang ibu tunggal pemilik Kios Ayam Gunting di MITC, Ayer Keroh. Di bawah program 2YEP ini kedua-dua peserta telah berjaya meningkatkan pendapatan mereka dan membuka peluang pekerjaan kepada orang lain sebagai pekerja di perusahaan mereka. 2YEP adalah program anjuran JKM yang mendayaupaya klien penerima bantuan JKM dalam meningkatkan pendapatan ke arah berdikari dan tidak bergantung kepada bantuan kewangan JKM untuk saraan hidup.

Sebelum mengakhiri lawatan, pasukan kerja KPWKM telah menyantuni penghuni Rumah Seri Kenangan (RSK) Cheng yang menempatkan seramai 160 orang penghuni terdiri daripada warga emas yang tidak mempunyai waris.

Untuk rekod, JKM mengendalikan 10 institusi penjagaan warga emas yang terdiri daripada 8 buah Rumah Seri Kenangan (RSK) dengan kapasiti seramai 1,640 penghuni dan 2 buah Rumah Ehsan (RE) dengan kapasiti seramai 255 penghuni. Sehingga Disember 2023, terdapat seramai 1,895 warga emas yang mendapat perlindungan, penjagaan dan pemulihan di institusi warga emas kendalian JKM di seluruh negara.

Turut serta dalam lawatan kerja 2 hari ini ialah YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Timbalan Menteri KPWKM, YBrs. Puan Farah Adura Binti Hamidi, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) KPWKM, YBrs. Dr. Wan Nur Ibtisam binti Wan Ismail, Ketua Pengarah JPW dan YBrs. Encik Norazman bin Othman, Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat, JKM.

###

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
6 FEBRUARI 2024

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)

Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8323 2037

 kpwkm  kpwkm  kpwkm  kpwkmtv  kpwkm